



MALAYSIA

di pentas dunia

PERTANDINGAN
FOTO & VIDEO *Instagram*

Sempena sambutan Hari Malaysia 2018, Kementerian Luar Negeri mencari foto dan video terbaik yang mempamerkan Malaysia di pentas dunia.

Tunjukkan interpretasi anda mengikut kreativiti tersendiri dan berpeluang untuk memenangi Tablet dan jemputan ke sesi rapat bersama Menteri Luar pada 19 Sept 2018.

**TERBUKA KEPADA SEMUA
WARGANEGARA MALAYSIA**

5 SEPT - 16 SEPT 2018

Follow kami
@mofamalaysia


Muat naik
foto / video

dan hashtag penyertaan anda
#malysiadipentasdunia

Tukar profil Instagram anda ke public
Tiada akaun Instagram? Emelkan foto/video dan kami akan muat naik untuk anda
pro.ukk@kln.gov.my

Tarikh tutup penyertaan: 16 Sept 2018, 11.59 mlm

Dianjurkan oleh: Kementerian Luar Negeri , Malaysia



MALAYSIA

di pentas dunia
PERTANDINGAN
FOTO & VIDEO *Instagram*

TERMA DAN SYARAT

1. Tema pertandingan foto dan video ini adalah “Malaysia di Pentas Dunia”.
2. Pertandingan ini terbuka kepada semua rakyat Malaysia kecuali staf Bahagian Komunikasi dan Diplomasi Awam, Kementerian Luar Negeri dan staf pejabat Menteri Luar Negeri.
3. Tiada had penyertaan bagi mana-mana peserta, walau bagaimanapun, hanya penyertaan yang diterima bermula jam 1.00 tengahari, 5 September 2018 sehingga 11.59 malam, 16 September 2018 akan diterima.
4. Untuk penyertaan melalui emel, foto yang dihantar haruslah dalam format JPEG manakala durasi video tidak melebihi 90 saat, tanpa *watermark* dan merupakan karya asal oleh peserta. Semua bahasa boleh digunakan dalam video tersebut, walau bagaimanapun, bahasa selain Bahasa Malaysia wajib disertakan dengan sarikata.
5. Dengan penyertaan dalam pertandingan ini, kesemua peserta adalah terikat dengan terma dan syarat yang disertakan. Penganjur berhak membatalkan atau mengubah terma dan syarat bagi pertandingan ini tanpa sebarang notis.
6. Pemenang akan dipilih oleh penganjur dan akan dimaklumkan melalui *Direct Message (DM) Instagram*/emel dan keputusan adalah muktamad. Sekiranya pemenang yang dihubungi tidak memberi maklum balas dalam masa 48 jam melalui DM/emel yang dihantar, penganjur berhak menukar keputusan dan memilih pemenang lain.
7. Penganjur berhak menukar hadiah yang ditawarkan kepada hadiah lain yang sama nilainya.
8. Kesemua foto dan video yang memenangi pertandingan adalah milik sepenuhnya penganjur dan penganjur boleh menggunakan dalam mana-mana aktiviti promosi.